



14 APR, 2020

Peruntukan RM2.3 juta bantu petani, nelayan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Peruntukan RM2.3 juta bantu petani, nelayan

SHEILA ZAIDI

KUCHING: Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta untuk membantu petani dan nelayan menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian dan tangkapan ikan di pasaran bagi memastikan sumber pendapatan mereka tidak terjejas.

Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail berkata, daripada jumlah tersebut, RM1.7 juta diperuntukkan kepada golongan petani.

"Kerajaan melalui Kementerian Pmodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak), 28 Pertubuhan Peladang

Kawasan (PPK) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membeli lambakan hasil ladang yang tidak dapat dijual secara borong dan menjualnya kembali di pasaran.

"Ini dilakukan bertujuan untuk memastikan kesinambungan rantaian bekalan makanan di Sarawak," katanya kepada pemberita dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Rahman, PPK juga akan memainkan peranan proaktif sebagai pemborong dalam mengimbangi pasaran bekalan dan permintaan di antara Bahagian.

Katanya, usaha ini juga akan memastikan ekosistem bekalan dan permintaan makanan akan sentiasa berada dalam keadaan yang seimbang.

Setakat 11 April, sejumlah 39 tan hasil pertanian

yang terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran dedaun dan buah dibeli dari lebih daripada 30 petani dengan nilai yang mencecah RM90,000.

Tambahnya, PPK bersama FAMA menjalinkan kerjasama melalui program 'Jualan Terus Dari Ladang' yang akan bermula hari ini (14 April) di Kompleks Islam Sarawak, Miri, dan melibatkan PPK Subis dan FAMA Miri.

Kerajaan Sarawak juga katanya, dalam perancangan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta bagi tujuan pemasaran atas talian dan penghantaran ke isi rumah.

Sementara itu, dari sudut pengeluaran, Kerajaan Sarawak akan terus menggalakkan para petani untuk meneruskan aktiviti penanaman melalui pelbagai skim

yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan kesinambungan rantaian bekalan makanan, ujarnya.

Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini adalah untuk memastikan bahawa setiap peringkat aktiviti rantaian bekalan akan dijamin berterusan, dari pengeluaran sehingga kepada pembelian oleh para pengguna, kata Rahman.

"Kerajaan melalui MANRED, dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), memperuntukkan sejumlah RM600,000 untuk melaksanakan program pembelian hasil tangkapan ikan dari para nelayan.

"Pihak PNK akan memainkan peranan sebagai pemborong hasil tangkapan dan terlibat dalam akti-

viti pemasaran melalui penghantaran pesanan barang dalam rantaian dan penjualan secara borong menggunakan lori bergerak," katanya.

Setakat 12 April, sejumlah 485 kilogram hasil tangkapan bernilai RM6,300 dibeli dari para nelayan dari lima PNK di Sarawak, jelas Rahman.



DATUK DR. ABDUL RAHMAN ISMAIL



14 APR, 2020

Peruntukan RM2.3 juta bantu petani, nelayan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta untuk membantu petani dan nelayan menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian dan tangkapan ikan di pasaran bagi memastikan sumber pendapatan mereka tidak terjejas. Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail berkata, daripada jumlah tersebut, RM1.7 juta diperuntukkan kepada golongan petani.